

Tangani isu PATI ikut perundangan

Datuk
Dr Roslan
Mahmood



Ketua Kluster Pembangunan
Kepakaran, Institut Tadbiran
Awam Negara (INTAN)

Migrasi antarabangsa berlaku dalam dunia tanpa sempadan. Manusia perlu berpindah untuk mendapatkan pekerjaan, pendapatan, taraf hidup dan status sosial lebih baik.

Ia berlaku sama ada secara sah, iaitu dengan kebenaran negara destinasi atau secara tidak sah yang dikenali sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI).

Malaysia memang negara pilihan PATI sejak 1970-an hingga sekarang seperti dari Indonesia, Thailand, Filipina, Kemboja, Myanmar dan Bangladesh.

Lokasi strategik antara Selat Melaka di sebelah barat dan Laut China Selatan di timur, selain dikelilingi pulau dan persisiran pantai yang panjang dan luas, memudahkan PATI menyusup masuk melalui laluan laut atau darat.

Migrasi PATI dari negara asal ditolak faktor ekonomi seperti kemiskinan, pengangguran dan upah rendah, selain politik, sosial dan bencana alam.

Pertumbuhan ekonomi, kestabilan politik, kemasukan pelaburan asing, pembangunan projek mega, perkembangan sektor industri, pembangunan sektor per-

tanian, penawaran peluang pekerjaan, persamaan budaya, agama dan bahasa menjadi faktor menarik PATI ke negara ini.

Keberadaan PATI dalam landscape negara memberi pelbagai kesan negatif.

Pertama, menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam termasuk pergaduhan apabila bilangan PATI ramai serta aktiviti merekrut kumpulan pengganas, subversif dan sabotaj memandangkan mereka mempunyai maklumat kekuatan dan kelemahan dalam negara.

Kedua, menghakik sistem ekonomi dalaman kerana PATI mengeksploitasi sumber ekonomi, pekerjaan dan pendapatan hingga ada yang menjadi nelayan, pekebun sayur, pekerja kilang, pekerja ladang, penternak serta pencuci kenderaan khususnya sektor 3D (kotor, sukar dan berbahaya) yang menjejaskan pendapatan penduduk tempatan.

Ketiga, memberi risiko tersebabnya pelbagai jenis penyakit seperti tibi, taun dan kusta dalam kalangan penduduk tempatan, berlakunya kesesakan di hospital dan klinik kerajaan, meningkatkan beban tugas kakitangan hospital dan klinik kerajaan serta meningkatkan kos tambahan kepada kerajaan.

Keempat, pencerobohan tanah kerajaan dan persendirian untuk penempatan haram dan rumah setinggan di samping amalan penempatan berpindah-randah hingga merosakkan keindahan muka bumi kawasan berkenaan termasuk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan.



Pelbagai agensi perlu saling berganding bahu tangani masalah PATI.

(Foto hiasan)

Kelima, pencemaran alam sekitar melalui pembakaran hutan untuk penempatan, pertanian dan penternakan, pembuangan sampah merata-rata dan pembuangan sisa pepejal dan kumbahan ke dalam sistem pengairan dan takungan air.

Keenam, perlakuan jenayah seperti ragut, curi, samun, peras ugut, rompak, gengster, edar dadah di samping cabul, rogol dan bunuh.

Ketujuh, isu PATI membabitkan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran boleh menjejaskan maruah Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Justeru, penetapan dasar jelas mengenai PATI amat penting bagi memudahkan agensi kerajaan

bertindak mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Agensi kerajaan bertanggungjawab perlu mengadakan mesyuarat secara berkala dengan negara asal PATI bagi membuat bantahan mengenai isu ini, menghantar semula dan menuntut kos penghantaran PATI.

Malaysia juga perlu membawa isu PATI kepada ASEAN, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk tindakan negara terbabit.

Penguatkuasaan undang-undang lebih ketat diperlukan, manakala kerajaan boleh menimbang penetapan hukuman terhadap PATI sama ada denda dan penjara, selain ejen dalam dan

luar negara serta penguat kuasa yang korup. Ia bertujuan mengekang kemasukan PATI ke dalam negara.

Akta Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM), Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 perlu diteliti supaya memenuhi saranan di atas.

Agensi penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Laut Malaysia pula perlu memantau serta mengawal sempadan dan perairan negara menggunakan aset dan teknologi canggih (seperti dron), selain mengadakan kerjasama dengan negara jiran melalui pasukan petugas khas bersama kawalan sempadan.

Rakyat perlu lebih bertanggungjawab terhadap negara dan prihatin mengenai isu PATI serta memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa dalam melaporkan kewujudan golongan itu di kawasan tempat tinggal mereka.

Isu PATI perlu ditangani secara holistik, bijaksana dan mengikut Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang.

Usaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) menghasilkan Pelan Strategik Penguatkuasaan PATI bagi memantapkan penguatkuasaan dan tadbir urus PATI patut dipuji.

Semoga ia berhasil secara maksimum dalam menangani masalah PATI di negara ini.